

25 APR 2004

Australia-Asia

ASIA JADI BAHAN PERTIKAIAN KERAJAAN DAN PEMBANGKANG DI AUSTRALIA

MELBOURNE, 25 April (Bernama) -- Hubungan antara Asia Tenggara dan

Australia menjadi punca debat antara Kerajaan Howard dan Parti Buruh, iaitu

parti pembangkang di negara itu.

Menteri Hal Ewhal Luar Australia Alexander Downer berkata, Asean kini

sedia bekerja bersama dengannya kerana Australia tidak lagi pergi merayu di

rantau itu untuk diterima.

Beliau berkata demikian kepada Channel 10 Network merujuk kepada keputusan Asean untuk menjemput Perdana Menteri John Howard dan rakannya di

New Zealand Helen Clark bagi mesyuarat perkumpulan itu pada November di

Laos untuk membincangkan kemungkinan perjanjian perdagangan bebas.

Tetapi rakannya daripada parti Buruh, Kevin Rudd dalam temubual pada

Channel 9 Network, pula menuduh kerajaan Howard sebagai

memperkecilkan

inisiatif-inisiatif utama di Asia termasuk forum Kerjasama Ekonomi Asia

Pasifik (Apec) yang kini dalam keadaan "hidup segan, mati tahu mahu".

Australia dan New Zealand sejak sekian lama telah berusaha memeterai

perjanjian perdagangan bersama Asean yang dianggotai 10 negara.

Tetapi penerimaan mereka dalam Asean telah ditolak oleh bekas pemimpin

Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad, yang bersara pada 31 Okt lepas.

Satu

perjanjian perdagangan akan menghubungkan ekonomi-ekonomi Asean

dengan

Australia dan New Zealand.

Downer berkata walaupun persaraan Dr Mahathir telah memainkan peranan

penting dalam tawaran baru oleh Asean, beliau perlu menimbangkan perubahan

yang telah dilalui oleh Australia sejak beberapa tahun lepas.

"Saya rasa antara masalah bagi Australia ialah pembabitannya dengan

Asia untuk seketika bagaikan Australia merayu untuk turut serta di sebalik

menampilkan dirinya sebagai sebuah negara yang signifikan," katanya.

Tetapi Rudd berkata, walaupun tawaran daripada Asean adalah satu langkah positif, pertubuhan serantau itu sudahpun banyak mengorak

langkah  
dalam rundingan perdagangan dengan China dan Jepun.

Beliau berkata kerajaan Howard telah membelakangkan objektif utama kerajaan parti buruh Hawke-Keating, yang tidak menguntungkan Australia dan rantau.

"Sebahagian besar daripada jentera serantau kita tidak lagi berfungsi kerana kerajaan John Howard tidak berbuat apa-apa untuk menggerakkannya sejak mewarisinya daripada kerajaan Buruh selepas dipilih menjadi Perdana Menteri pada 1996," kata Rudd.

Rudd berkata, usaha yang didorong oleh Australia dalam Apec selama ini untuk membawa bersama China, Jepun dan Amerika Syarikat, dengan sengaja diperlekehkan oleh Howard.

-- BERNAMA

NDC HS PR